

25 DEC 2000

Keadilan Sambut Baik Cadangan Adakan Perbincangan Dengan Umno

KUALA LUMPUR, 25 Dis (Bernama) -- Parti Keadilan Nasional (Keadilan) menyambut baik sebarang usaha oleh Umno untuk mengadakan perbincangan dengan parti itu bagi memperkukuhkan perpaduan orang Melayu.

Presidennya, Datin Seri Wan Azizah Wan Ismail, hari ini berkata Keadilan mahu ia diadakan mengikut konteks perpaduan dan interagasi nasional.

Beliau mengulas kenyataan presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam bahawa Umno sedia menimbang kemungkinan untuk mengadakan perbincangan dengan Pas dan Keadilan dalam usaha untuk memperkukuhkan perpaduan orang Melayu.

"Kita akan menimbang untuk mengadakan perbincangan itu jika keadaannya boleh membantu," Perdana Menteri disebut sebagai berkata kepada para pemberita sebaik tiba di Lapangan Perbang Sultan Abdul Halim Airport di Kepala Batas dekat Alor Setar tengah hari semalam untuk lawatan singkat.

Dr Mahathir telah diminta mengulas cadangan seorang ahli akademik, Prof Datuk Ahmad Fawzi Mohamed Basri, juga timbalan naib canselor (hal ehwal pelajar) Universiti Utara Malaysia (UUM), baru-baru ini bahawa Umno sepatutnya mengadakan perbincangan dengan PAS dan Keadilan bagi memperkukuhkan perpaduan orang Melayu.

-- BERNAMA

AT ES ZB